

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 18 DISEMBER 2023

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 23

## MED4IRN gesa penyedia dana perkukuh modal teroka

# MED4IRN gesa penyedia dana perkukuh modal teroka

**Mesyuarat Majlis Ekonomi Digital dan Revolusi Perindustrian Keempat Negara (MED4IRN)** yang bermesyuarat kali kedua bagi tahun 2023 pada Jumaat membincangkan mengenai kedudukan ekosistem pembiayaan modal teroka yang merangkumi pembiayaan daripada sektor awam dan

sektor swasta.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang memperluas mesyuarat itu berkata, sehubungan itu, penyedia dan pengurus dana modal teroka diminta untuk bergerak dengan tenaga dalam mengenal pasti usaha dan inisiatif bagi mengukuhkan ekosistem pem-

biayaan modal teroka untuk dipertimbangkan oleh kerajaan.

"Ini adalah penting untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi digital dan ekosistem inovasi di Malaysia," katanya menerusi hantaran di laman rasmi Facebook beliau.

Mesyuarat kali ini dihadiri

ri menteri-menteri Pengerusi Kluster dan inisiatif ekonomi digital serta ahli lantikan yang terdiri daripada wakil sektor swasta, industri, akademik, kumpulan pemikir dan pertubuhan masyarakat sivil.

Selain itu, Anwar berkata, MED4IRN turut bersetuju dengan cadangan Pelan Tinda-

kan KL20 yang menyasarkan Malaysia berada pada kedudukan 20 teratas ekosistem syarikat pemula Global menjelang 2030.

Pelan ini turut menggariskan usaha membangunkan Kuala Lumpur sebagai hab syarikat pemula dan digital serantau, katanya. —BERNAMA